



MUAZ ABD MUEIN dan isteri, Hafizah Saadiah Khairul Anuar berkongsi kegembiraan bersama anak mereka, Aishah Muaz selepas menerima skrol dalam Majlis Konvokesyen USIM Ke-13 di Nilai, Negeri Sembilan, semalam.

Suami isteri terima ijazah

SEREMBAN 9 Nov. - Membina rumah tangga ketika belajar di menara gading tidak menghalang pasangan suami isteri, Muaz Abd. Muein, 24, dan Hafizah Sa'adiah Khairulanuar, 23, untuk mencapai kejayaan meraih segulung ijazah.

Malah pasangan itu yang kini sudah mempunyai anak, Aishah, 4 bulan, bertekad menjadikan status mereka berdua sebagai faktor yang memacu kesungguhan memastikan matlamat itu digapai.

Muaz dan Hafizah Sa'adiah, hari ini masing-masing menerima Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat dan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dalam sidang terakhir Konvokesyen Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Ke-13 di Dewan Besar USIM, Nilai dekat sini.

Muaz berkata, beliau dan isteri gembira kerana sama-sama berjaya menamatkan pengajian di USIM.

Menurutnya, beliau dan isteri berkenalan pada 2010 ketika mula-mula belajar di USIM dan persahabatan itu dimaklumkan kepada keluarga masing-masing.

"Kami melangsungkan perkahwinan pada 26 Januari tahun lalu selepas kedua-dua keluarga ber-setuju kami disatukan.

"Bagi saya, perkahwinan ini meningkatkan kesedaran menge-

nai tanggungjawab yang perlu dipikul iaitu belajar dan menguruskan rumah tangga.

"Perkahwinan ini menjadikan kami lebih matang dan bertanggungjawab kerana kami perlu memberikan tumpuan yang seimbang antara pengajian dan rumah tangga," katanya yang kini bekerja sebagai Perancang Kewangan Takaful.

Pasangan itu meraih anugerah dekan masing-masing sebanyak tiga kali sepanjang pengajian di USIM.

Sementara itu, ibu Muaz, Siti Sakinah Meor Omar Baki, 47, menyifatkan perkahwinan anaknya itu semasa menuntut di USIM telah membawa berkat kepada seluruh keluarga mereka.

Katanya, beliau bersama suami, Abd. Muein Abd. Rahman, 51, tidak menghalang cadangan mereka ketika menyatakan hasrat mendirikan rumah tangga selepas kedua-duanya berjanji perkahwinan itu tidak akan menjejaskan pengajian masing-masing.

"Persepsi masyarakat mungkin berbeza dalam hal perkahwinan anak semasa belajar di universiti tetapi kita harus percaya bahawa perkahwinan itu sendiri mungkin menjadi pencetus rezeki kepada mereka seperti yang telah saya sekeluarga alami," ujarnya.